



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**07 Februari 2023
16 Rejab 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Warga asing dicekup kendali bot tamat tempoh
The Star (Starmetro)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			27	07.02.2023

Warga asing dicekup kendali bot tamat tempoh

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang menahan sebuah bot sangkar ikan kerana menggunakan lesen bot yang telah tamat tempoh pada Ahad.

Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, bot berkenaan ditahan pada kedudukan sekitar 0.5 batu nautika timur Batu Maung sekitar jam 4.40 petang.

Menurutnya, penahanan itu dibuat oleh pasukan bot ronda Maritim Malaysia setelah memeriksa secara rawak terhadap sebuah bot sangkar ikan dalam OP Pertiwi.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot tersebut mendapati, bot itu dikendalikan oleh empat kru warga asing iaitu seorang tekong dan dua kru warga Myanmar serta seorang lagi kru warga Indonesia berumur lingkungan antara 21 hingga 29 tahun.



Bot nelayan yang ditahan Maritim Malaysia pada Ahad.

"Semakan dokumen mendapati, kesemua mereka mempunyai pengenalan diri yang lengkap tetapi disyaki melakukan kesalahan kerana mengendalikan bot dengan lesen yang telah tamat tempoh," katanya menerusi kenyataan di sini pada Isnin.

Abd Razak berkata, kesalahan terbabit disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 iaitu beroperasi dengan mengendalikan bot menggunakan lesen yang telah tamat tempoh.

"Bot bersama kesemua kru dan tekong ditahan sebelum dibawa ke jeti Pangkalan Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Maritim Malaysia bagi siasatan lanjut," katanya.

Tegasnya, Maritim Malaysia tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas tanpa kompromi ke atas mana-mana pengusaha atau pemilik bot yang sengaja melanggar undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia.